

## JENAYAH PEMERDAGANGAN MANUSIA MENURUT PERSPEKTIF GLOBAL DAN ISLAM

**Nur Rabiataladawiah Abdul Rahman\***

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa  
Universiti Melaka  
rabiatal@unimel.edu.my

*\*Corresponding author*

---

*Received Date:* 15 October 2022    *Accepted Date:* 1 November 2022    *Published Date:* 31 December 2022

---

### ABSTRAK

Isu pemerdagangan manusia telah menjadi isu yang hangat dalam beberapa tahun kebelakangan ini, walaupun hakikatnya fenomena ini telah pun wujud sejak berkurun lamanya. Berbilion-bilion dolar keuntungan yang sedang dibuat dengan mengorbankan berjuta-juta mangsa penyeludupan manusia. Lelaki dan perempuan yang harus berada di sekolah telah dipaksa menjadi askar, melakukan kerja keras atau dijual untuk seks. Wanita dan gadis sedang diperdagangkan untuk eksloitasi, dipaksa menjadi buruh pelacuran domestik atau perkahwinan. Manakala lelaki pula, yang terperangkap dengan hutang, menjadi hamba di lombong, ladang dan sebagainya. Artikel ini membincangkan berkaitan isu pemerdagangan manusia di Malaysia dan pandangan dari perspektif Islam berdasarkan pendekatan analisis kandungan ke atas sumber laporan kerajaan, jurnal ilmiah dan akhbar berkaitan. Artikel ini diharap dapat memberi pemahaman terhadap isu pemerdagangan manusia yang mutakhir serta melihat isu berkaitan dari sudut perspektif Islam.

**Kata Kunci:** Pemerdagangan manusia, eksloitasi, penyeludupan manusia, hamba, Malaysia

## **THE CRIME OF HUMAN TRAFFICKING ACCORDING TO GLOBAL AND ISLAMIC PERSPECTIVES**

### **ABSTRACT**

*The issue of human trafficking has become a hot issue in recent years, despite the fact that this phenomenon has existed for centuries. Billions of dollars in profits are being made at the expense of millions of victims of human trafficking. Boys and girls who should be in school have been forced to become soldiers, do hard labor or be sold for sex. Women and girls are being trafficked for exploitation, forced into domestic prostitution or marriage. On the other hand, men, who are trapped in debt, become slaves in mines, farms and so on. This article discusses the issue of human trafficking in Malaysia and views from an Islamic perspective based on a content analysis approach on sources of government reports, scientific journals and related newspapers. This article is expected to provide an understanding of the latest issue of human trafficking as well as look at related issues from an Islamic perspective.*

*Keywords:* Human trafficking, exploitation, human smuggling, slaves, Malaysia.

### **PENDAHULUAN**

Isu pemerdagangan manusia telah menjadi isu yang hangat dalam beberapa tahun kebelakangan ini, walaupun hakikatnya fenomena ini telah pun wujud sejak berkurun lamanya. Berbilion-bilion dolar keuntungan yang sedang dibuat dengan mengorbankan berjuta-juta mangsa penyaludupan manusia. Golongan kanak-kanak dan belia sama ada lelaki atau perempuan didagangkan kepada pihak-pihak tertentu untuk melakukan kerja keras atau mengemis, dijadikan pelacur dan juga untuk mendapatkan organ dalaman. Wanita dan gadis sedang diperdagangkan untuk eksplotasi, dipaksa menjadi buruh pelacuran domestik, atau perkahwinan. Manakala lelaki pula, yang terperangkap dengan hutang, menjadi hamba di lombong, ladang dan sebagainya.

Di kalangan mangsa pemerdagangan manusia, didapati kebanyakannya mereka terdiri daripada golongan wanita dan kanak-kanak seperti dipetik dari Jabatan Penerangan Malaysia. Acapkali juga berlaku kes wanita Malaysia ditangkap di luar negara atas kesalahan menyeludup dadah dari satu negara ke negara lain, satu bentuk eksplotasi yang kini dinamakan sebagai ‘keldai dadah’. Yang menyedihkan, kebanyakannya mangsa terpaksa menerima hukuman yang berat termasuk digantung sampai mati akibat keterlibatan mereka dalam jenayah pengedaran dadah sedangkan sebahagian mereka menyangka bahawa mereka hanyalah menghantarkan barang dagangan tatkala mereka ditangkap.

Perhambaan manusia juga telah berlaku sejak zaman berzaman. Status hamba merupakan status yang paling hina bagi manusia. Ianya telah berjalan sejak sekian lama. Apabila berlaku perperangan, pihak yang kalah akan menjadi hamba. Mereka boleh diperlakukan apa sahaja sehingga kepada bunuh. Bangsa yang menang akan menguasai yang kalah. Apa sahaja milik bangsa yang kalah akan dikuasai oleh pihak yang menang. Mereka tidak mempunyai apa-apa hak dalam kehidupan. Jauh sekali dalam membicarakan hak asasi manusia.

Semasa zaman jahiliyah sebelum kedatangan Islam, sistem memperhambakan manusia menjadi perkara biasa. Bukan itu sahaja bahkan kedudukan kaum wanita amatlah menyedihkan. Mereka tidak mempunyai sebarang hak di dalam masyarakat. Peranan mereka

tidak lebih sebagai pemuas nafsu lelaki. Wanita dianggap tidak mempunyai nilai. Jika seseorang melahirkan anak wanita ia dikira amat memalukan keluarga. Sebab itulah perbuatan membunuh dan menanam anak perempuan hidup-hidup menjadi kebiasaan dalam masyarakat jahiliyah.

Namun setelah kedatangan Islam semua keadaan berubah. Islam telah membuat reformasi dalam masyarakat. Perubahan paradigma yang dibuat oleh Islam adalah untuk kembali kepada fitrah asal manusia. Islam meletakkan manusia pada kedudukan yang sebenarnya. Islam mengiktiraf hak dan kedudukan lelaki sesuai dengan sifat kelelawarnya, manakala bagi kaum wanita pula Islam telah mengiktiraf hak dan kedudukan yang sesuai bagi mereka. Islam tidak meletakkan golongan lelaki lebih “superior” dari wanita, begitu juga sebaliknya. Wanita mempunyai hak untuk memiliki harta dari hasil usaha mereka. Mereka juga mempunyai hak dari harta pusaka peninggalan suami, anak atau pun ibu bapa mereka. Ini sebenarnya merupakan suatu pengiktirafan yang tinggi yang tidak pernah dicapai dalam zaman jahiliyah.

Kemuliaan seseorang terletak sejauh mana kemampuannya patuh kepada perintah Tuhan. Pendekatan yang dibuat oleh Islam telah berjaya menamatkan amalan perhambaan sesama manusia yang berjalan sejak beribu tahun. Islam tidak menghapuskan sistem perhambaan kerana status sebagai hamba akan wujud iaitu apabila adanya tawanan perang. Walaupun tawanan perang dianggap mempunyai status sebagai hamba, namun Islam telah menggariskan layanan yang perlu diberikan kepada mereka sehingga mereka ditebus atau pun mereka menganut agama Islam (Kamal Azmi et. al., 2018)

## TAKRIFAN PEMERDAGANGAN MANUSIA

Secara umumnya, pemerdagangan manusia adalah satu bentuk jenayah terancang iaitu perdagangan dan perniagaan yang menjadikan manusia sebagai barang dagangan untuk dieksloitasi. Kes-kes pemerdagangan manusia yang banyak dilaporkan media adalah yang melibatkan migrasi yang tidak mengikut prosedur sedangkan pemerdagangan manusia juga melibatkan penyeludupan mangsa di dalam negara. Dalam kebanyakan kes, antara bentuk eksloitasi yang dilaporkan adalah mangsa dijadikan sebagai sumber pendapatan oleh ‘pembeli’ mereka. Contohnya dengan menjadikan mangsa ini sebagai pekerja seks, buruh paksa, hamba, pengemis dan pengedar bahan terlarang seperti dadah. Bentuk eksloitasi lain ialah menjual mangsa untuk dijadikan anak angkat atau dikahwinkan semasa kecil. Mangsa juga berhadapan dengan situasi dieksloitasi dengan cara yang menakutkan dengan kemungkinan dibunuhi semata-mata untuk mendapatkan organ milik mereka untuk dijual.

Mengikut Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, pemerdagangan orang bermaksud segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan, dan termasuklah perbuatan merekrut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang bagi maksud eksloitasi. Eksloitasi pula adalah segala bentuk eksloitasi seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian, apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Seksyen 2 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2022 (Akta A1644)

Manakala, penyeludupan migran bermaksud mengatur, memudahkan atau merancang, secara langsung atau tidak langsung, kemasukan seseorang secara tidak sah ke dalam atau melalui, atau pengeluaran seseorang secara tidak sah dari mana-mana Negara yang orang itu bukan warganegara atau pemastautin tetap sama ada dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kemasukan atau pengeluaran orang itu adalah tidak sah dan merekrut, mengangkut, memindahkan, menyembunyikan, melindungi atau menyediakan apa-apa bantuan atau perkhidmatan bagi tujuan melaksanakan perbuatan yang disebut di atas.<sup>2</sup>

United Nations Office on Drugs and Crime memberikan maksud pemerdagangan manusia sebagai satu proses yang mana orang yang diculik atau direkrut di negara asal, dipindahkan melalui kawasan transit dan kemudian dieksplotasi di negara destinasi. Dalam kes pemerdagangan dalaman, semua tiga peringkat akan berlaku dalam sempadan negara tunggal. Kaedah pengambilan paksaan atau memperdayakan adalah berbeza mengikut mod pengangkutan. Selanjutnya, bentuk eksplotasi adalah berbeza, walaupun untuk beberapa tahun, tumpuan telah di fokuskan kepada eksplotasi seks bukannya pada bentuk buruh dan lain-lain eksplotasi.

Definisi pemerdagangan orang dan penyeludupan migran didapati dalam Protokol untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan Orang, terutama wanita dan kanak-kanak (Protokol Pemerdagangan) 2000 dan Protokol terhadap Penyeludupan Migran oleh Tanah, Laut dan Udara (Protokol Penyeludupan). Protokol Pemerdagangan ataupun Trafficking Protocol, Artikel 3(a) menerangkan:

*“Trafficking in persons” shall mean the recruitment, transportation, transfer, harbouring or receipt of persons, by means of the threat or use of force or other forms of coercion, of abduction, of fraud, of deception, of the abuse of power or of a position of vulnerability or of the giving or receiving of payments or benefits to achieve the consent of a person having control over another person, for the purpose of exploitation. Exploitation shall include, at a minimum, the exploitation of the prostitution of others or other forms of sexual exploitation, forced labour or services, slavery or practices similar to slavery, servitude or the removal of organs.”*

Protokol Penyeludupan ataupun Smuggling Protocol, Artikel 3(a):

*“Smuggling of migrants” shall mean the procurement, in order to obtain, directly or indirectly, a financial or other material benefit, of the illegal entry of a person into a State Party of which the person is not a national or a permanent resident.”*

## **PERBEZAAN PEMERDAGANGAN MANUSIA DAN PENYELUDUPAN MIGRAN**

Penyeludupan manusia dan penyeludupan migran sering dikelirukan dengan satu sama lain. Ia merujuk kepada dua masalah yang berbeza tetapi penghujungnya sering berkait-rapat. Ini berbeza dalam tiga elemen utama: pergerakan merentasi sempadan, kebenaran, dan tujuan eksplotasi. Salah satu perbezaan utama adalah bahawa penyeludupan migran semestinya melibatkan penyeberangan sempadan antarabangsa. Penyeludupan manusia merupakan istilah yang digunakan untuk merujuk kepada pengangkutan manusia merentasi sempadan antarabangsa ke pintu masuk bukan rasmi negara destinasi. Selalunya mereka yang diangkut

---

<sup>2</sup> Seksyen 2 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2022 (Akta A1644)

tidak mempunyai dokumen perjalanan sah atau kebenaran untuk memasuki negara destinasi. Penyeludupan manusia mungkin melibatkan penyeberangan sempadan antarabangsa tetapi juga boleh berlaku di dalam sempadan sesebuah negara sebagai penyeludupan manusia dalaman.

Kedua, pemerdagangan orang lebih merujuk kepada elemen paksaan, penyeludupan manusia pula lebih kepada elemen rela hati. Penyeludupan migran berlaku dengan keizinan orang diseludup. Orang yang diseludup bersetuju untuk menyeberangi sempadan secara haram dan sering membayar jumlah wang yang besar kepada penyeludup untuk perkhidmatannya. Apabila mereka tiba di destinasi, mereka bebas untuk pergi. Sebaliknya, mangsa pemerdagangan manusia mungkin telah bersetuju untuk berhijrah dan bekerja pada mulanya daripada pilihan mereka sendiri, tetapi dihalang daripada meninggalkan, sering dengan paksaan fizikal atau psikologi serta kekangan dari segi kewangan dan undang-undang. Apa sahaja persetujuan awal yang mungkin telah wujud menjadi tidak relevan apabila apa-apa cara-cara seperti ancaman, kekerasan, paksaan, penipuan, dan lain-lain digunakan untuk menghambakan orang yang diperdagangkan semasa proses penyeludupan.

Akhirnya, perbezaan utama antara penyeludupan dan pemerdagangan adalah tujuan seseorang itu direkrut. Penyeludupan migran melibatkan kemasukan haram seseorang ke dalam negara untuk faedah material kewangan atau lain-lain sahaja, manakala pemerdagangan berlaku dalam usaha untuk eksloitasi buruh seksual atau lain-lain, atau pemindahan organ (Megumi Makisaka, 2009).

Jadual 1: Perbezaan utama antara pemerdagangan dan penyeludupan migran

Perkara	Pemerdagangan Orang	Penyeludupan Migran
Tindakan	Pengambilan, pengangkutan, pemindahan, melindungi atau penerimaan seseorang dengan cara ancaman atau penggunaan kekerasan atau bentuk paksaan yang lain, penculikan, penipuan, penipuan, penyalahgunaan kuasa atau kelemahan kedudukan atau pemberian atau menerima bayaran atau faedah.	Perolehan kemasukan haram seseorang ke dalam sebuah negara yang mana orang itu bukan seorang pemastautin kekal atau warganegara.
Transnationaliti	Tidak Diperlukan	Diperlukan
Persetujuan orang yang diperdagang atau diseludup	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tidak relevan apabila cara telah wujud.</li><li>• Bagi kanak-kanak, persetujuan adalah tidak relevan tanpa mengira cara.</li></ul>	Orang yang diseludup bersetuju terhadap penyeludupan

Tujuan	Eksplorasi termasuk: a) Pelacuran dan lain-lain bentuk eksplorasi seks b) Buruh paksa dan perkhidmatan c) Perhambaan dan amalan yang serupa d) Perhambaan secara tidak sukarela e) Pemindahan organ	Untuk faedah kewangan atau lain-lain
--------	--	--------------------------------------

Sumber: UNODC (2009), *Anti-Human Trafficking Manual for Criminal Justice Practitioners*

## **PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU: PROTOKOL PEMERDAGANGAN**

Protokol Pemerdagangan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu walaupun tidak terhad kepada aktiviti transnasional, keuntungan jenayah dari penyeludupan manusia dimaksimumkan dengan pengabaian sempadan negara. Ia adalah kepentingan yang kritikal kepada kejayaan usaha antarabangsa untuk mencegah dan memerangi pemerdagangan orang bahawa negara-negara bertindak dan berbuat demikian dalam cara koperasi, sama ada mereka adalah punca asal, transit atau destinasi. Dalam banyak cara, perbezaan dalam rangka kerja undang-undang di seluruh bidang kuasa merupakan halangan yang paling asas kepada tindak balas yang berkesan untuk jenayah pemerdagangan orang yang sedang berterusan.

Sebilangan besar instrumen antarabangsa telah dihasilkan sejak bertahun-tahun yang mana kedua-duanya adalah sangat berkaitan dan relevan kepada isu pemerdagangan orang. Protokol untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan Orang, terutamanya Wanita dan Kanak-kanak (*Protocol to Prevent, Suppress and Punish Trafficking in Persons, Especially Women and Children*), yang berkuat kuasa pada bulan Disember 2003, adalah satu-satunya instrumen undang-undang antarabangsa yang menangani penyeludupan manusia sebagai suatu jenayah. Protokol Pemerdagangan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menekankan keperluan untuk menggunakan pendekatan yang menyeluruh untuk pemerdagangan orang yang menangani semua aspek jenayah dan yang menyeimbangkan keadilan jenayah dengan keperluan untuk memastikan hak-hak dan perlindungan mangsa. Protokol Pemerdagangan yang mula berkuat kuasa pada 25 Disember 2003, terdapat kemajuan dalam bilangan ratifikasi (178 Pihak Negara - September 2021) menjana pindaan kepada undang-undang negara.<sup>3</sup>

Untuk pertama kalinya, definisi pemerdagangan orang telah diperuntukkan oleh undang-undang antarabangsa melalui Protokol Pemerdagangan di mana ia hanya memerlukan pengesahan negara-negara lain bagi menangani jenayah itu, tetapi juga, melalui instrumen induknya, Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap Jenayah Transnasional Terancang, menandakan satu peristiwa penting dalam undang-undang antarabangsa dalam melindungi mangsa jenayah. Dalam membina inisiatif dasar antarabangsa yang awal, konvensyen ini adalah instrumen antarabangsa yang pertama yang memerlukan negara-negara untuk memberikan bantuan dan perlindungan kepada mangsa jenayah. Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah (United Nations Office on Drugs and Crime) (UNODC) sebagai sekretariat Persidangan Pihak-Pihak kepada Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap Jenayah Transnasional Terancang

<sup>3</sup> United Nations, Treaty Series, vol. 2237, p. 319; Doc. A/55/383, Chapter XVIII, Penal Matters Article 12.a

dan protokolnya, telah mentakrifkan tiga elemen asas pemerdagangan iaitu pertama, proses; kedua, cara; dan ketiga, tujuan. UNODC telah menerangkan bahawa:

*“the crime of trafficking be defined through a combination of the three constituent elements and not the individual components, though in some cases threes individual elements will constitute criminal offences independently.”*

Elemen-elemen individu, seperti eksplorasi seksual, buruh paksa, amalan seperti perhambaan, belum lagi ditakrifkan dalam Protokol, dan negara-negara yang menandatanganinya wajib untuk mendefinisikan terma-terma tersebut di bawah undang-undang domestik mereka.

Jadual 2: Pengenalpastian Penyeludupan Manusia (Proses, Cara, Tujuan)

PROSES	CARA	TUJUAN
<ul style="list-style-type: none"><li>• Perekutan</li><li>• Pengangkutan</li><li>• Pemindahan</li><li>• Melindungi</li><li>• Penerimaan orang</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ancaman</li><li>• Paksaan</li><li>• Penindasan</li><li>• Penculikan</li><li>• Fraud</li><li>• Penipuan</li><li>• Penyalahgunaan kuasa</li><li>• Penyalahgunaan kelemahan</li><li>• Memberi dan menerima pembayaran</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Eksplorasi termasuk:<ul style="list-style-type: none"><li>a) Pelacuran dan lain-lain bentuk eksplorasi seks</li><li>b) Buruh paksa dan perkhidmatan</li><li>c) Perhambaan dan amalan yang serupa</li><li>d) perhambaan secara tidak sukarela</li><li>e) Pemindahan organ</li></ul></li></ul>

Sumber: UNODC (Jadual ini telah ditunjukkan dalam persembahan PowerPoint yang diberikan ketika majlis pelancaran Laporan Global Pemerdagangan Orang di Kelab Foreign Correspondents, Thailand pada 13 Februari 2009.

Apabila melaksanakan Protokol, negara-negara yang terlibat haruslah mempertimbangkan cadangan berikut iaitu dari segi pencegahan, pendakwaan dan perlindungan.

### Pencegahan

- i. Untuk menubuhkan, bersama-sama dengan NGO dan masyarakat sivil, suatu dasar serantau dan nasional yang menyeluruh dan program-program untuk mencegah dan memerangi pemerdagangan manusia dan untuk melindungi mangsa.
- ii. Untuk melaksanakan, bersama-sama dengan NGO dan masyarakat sivil, penyelidikan, maklumat dan kempen media dan inisiatif sosial dan ekonomi untuk mencegah dan memerangi pemerdagangan orang.
- iii. Untuk mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kelemahan orang (wanita dan kanak-kanak khususnya) kepada penyeludupan manusia, seperti langkah-langkah untuk memerangi kemiskinan, kemunduran dan kekurangan peluang yang sama.
- iv. Mengambil langkah untuk menghalang permintaan, yang menggalakkan eksplorasi, yang seterusnya membawa kepada pemerdagangan orang.

- v. Untuk memberi latihan kepada pegawai-pegawai yang berkaitan dalam pencegahan dan pendakwaan pemerdagangan orang dan perlindungan hak-hak mangsa.
- vi. Untuk bertukar-tukar maklumat mengenai laluan penyeludupan manusia, modus operandi, profil sindiket dan pengenalan mangsa.
- vii. Untuk mengambil langkah-langkah untuk mencegah cara pengangkutan yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial daripada digunakan dalam pelakuan kesalahan pemerdagangan manusia.
- viii. Untuk mengukuhkan kerjasama di kalangan agensi-agensi kawalan sempadan dengan, mewujudkan dan mengekalkan saluran komunikasi secara langsung.

### **Pendakwaan**

- i. Untuk mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa dokumen perjalanan dan identiti tidak mudah disalahgunakan, dipalsukan, diubah menyalahi undang-undang, ditiru atau dikeluarkan dan untuk memastikan integriti dan keselamatan perjalanan dan dokumen pengenalan dan untuk mencegah pengeluaran dan penggunaan yang menyalahi undang-undang.
- ii. Untuk menggubal undang-undang domestik untuk menjadikan penyeludupan manusia sebagai satu kesalahan jenayah. Undang-undang tersebut juga perlu mewujudkan suatu kesalahan jenayah bagi cubaan untuk melakukan penyeludupan manusia; menyertai sebagai rakan sejenayah dalam pemerdagangan manusia; dan menyusun atau mengarah orang lain untuk melakukan penyeludupan manusia.
- iii. Untuk memastikan bahawa undang-undang itu terpakai kepada mangsa semua peringkat umur dan kedua-dua jantina, dan untuk membezakan dengan jelas antara pemerdagangan orang dan lain-lain bentuk migrasi yang tidak teratur.
- iv. Untuk memastikan bahawa sistem penalti adalah mencukupi, memandangkan betapa seriusnya jenayah tersebut.
- v. Untuk melindungi privasi dan identiti mangsa dalam kes-kes yang sesuai.
- vi. Untuk mewujudkan langkah-langkah untuk melindungi mangsa daripada menjadi mangsa semula.
- vii. Melaksanakan langkah-langkah untuk menyediakan maklumat mangsa ketika prosiding dan bantuan untuk membolehkan pandangan dan keimbangan mereka akan dibentangkan dan dipertimbangkan di peringkat prosiding jenayah.
- viii. Melaksanakan langkah-langkah yang menawarkan kepada mangsa kemungkinan untuk mendapatkan pampasan.

### **Perlindungan**

- i. Melaksanakan langkah-langkah untuk menyediakan pemulihan fizikal, psikologi dan sosial mangsa. Ini termasuklah perumahan dan kaunseling dalam bahasa yang difahami oleh mangsa, bantuan perubatan, psikologi dan harta benda, serta pekerjaan, pendidikan dan peluang latihan. Keperluan khas mangsa, terutamanya kanak-kanak, perlu diambil kira.
- ii. Untuk menyediakan keselamatan fizikal mangsa selepas diselamatkan.
- iii. Mengambil langkah-langkah yang membenarkan mangsa untuk kekal di wilayah itu, buat sementara waktu atau selama-lamanya, dalam kes-kes yang sesuai, dengan memberi pertimbangan kepada faktor kemanusiaan dan belas kasihan.
- iv. Untuk memudahkan pengembalian mangsa secara sukarela tanpa berlengah secara tidak munasabah, dengan perhatian yang sewajarnya terhadap keselamatan mangsa.

## **PEMERDAGANGAN MANUSIA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Dalam era ini, banyak orang yang tidak memahami bahawa manusia adalah ciptaan Allah yang bebas (merdeka), otonom, setara dan harus dihormati. Oleh karena itu, zaman tersebut disebut zaman jahiliyah (era kebodohan). Kelompok-kelompok rentan seperti perempuan, anak-anak dan orang-orang miskin, merupakan sasaran penghinaan dan penindasan. Praktik-praktik penindasan oleh yang kuat dan kaya terhadap yang lemah dan miskin, pada masa itu banyak terjadi, dan tidak dianggap sebagai pelanggaran. Di antara manusia yang paling banyak menjadi korban penindasan adalah, perempuan. Mereka dianggap bukan manusia utuh, melainkan hanya separoh manusia, manusia kelas dua, atau bahkan sebagai barang. Kebanyakan dari mereka diperlakukan sebagai barang yang dapat diperjualbelikan, dan dieksplorasi majikannya untuk mengaut keuntungan. Umumnya mereka dipekerjakan sebagai pelacur sebagaimana disebutkan dalam beberapa ayat Al-Quran.

### **Menghapus Diskriminasi Terhadap Perempuan**

Ajaran Islam telah meletakkan dasar-dasar kemanusiaan, dan membawa misi pembebasan dan penghapusan segala bentuk tindakan kekerasan, eksplorasi, penindasan manusia atas manusia, dan segala bentuk diskriminasi manusia atas dasar apapun. Semua tindakan itu, oleh Islam dipandang bertentangan dan melanggar prinsip Tauhid (Keesaan Allah). Teologi ini selalu mengajarkan tentang makna kebebasan (kemerdekaan), kesetaraan dan penghargaan manusia terhadap manusia yang lain. Oleh karena itu, tidak ada keraguan sedikitpun, bahwa segala bentuk diskriminasi dan kekerasan terhadap manusia, adalah pelanggaran terhadap nilai-nilai ajaran Islam, sekaligus melawan Allah. Dalam Islam, manusia adalah makhluk Allah yang terhormat. Allah berfirman<sup>4</sup>:

*“Sungguh Kami benar-benar memuliakan anak-anak Adam (manusia). Kami sediakan bagi mereka, sarana dan fasilitas untuk kehidupan mereka di darat dan di laut. Kami beri mereka rizki yang baik-baik, serta Kami utamakan mereka di atas ciptaan Kami yang lain.”*

Secara lebih khusus, al-Quran juga bicara tentang pemerdagangan perempuan<sup>5</sup>:

*“Dan orang-orang yang tidak mampu kawin, hendaklah menjaga kesucian dirinya sehingga Allah menganugerahinya kemampuan. Dan budak-budak yang kamu miliki yang menginginkan perjanjian (untuk pembebasan dirinya), hendaklah kamu buat perjanjian dengan mereka, jika kamu mengetahui kebaikan pada mereka. Dan berikanlah kepada mereka sebagian dari harta Allah yang dikurniakan kepadamu. Dan janganlah kamu paksa budak-budak perempuanmu untuk melakukan pelacuran padahal mereka menginginkan kesucian diri, karena kamu hendak mencari keuntungan dunia. Dan barangsiapa memaksa mereka maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang (kepada mereka) sesudah mereka dipaksa.”*

Ayat di atas, secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa pertama, kewajipan melindungi orang-orang yang lemah, terutama atas kesucian tubuhnya. Kedua, kewajipan memberikan kebebasan atau kemerdekaan kepada orang-orang yang terperangkap dalam

<sup>4</sup> Al-Quran, Surah al-Isra' 17:70

<sup>5</sup> Al-Quran, Surah an-Nur' 24:33

perbudakan. Ketiga kewajiban menyerahkan hak-hak ekonomi mereka. Hak-hak mereka yang bekerja untuk majikannya, haruslah diberikan. Dan keempat, haram mengeksplorasi manusia untuk mencari keuntungan ekonomi dengan cara yang melanggar hukum.

Manusia adalah ciptaan yang paling sempurna. Maka tidak layak bagi seorang manusia untuk menzalimi dan menindas manusia yang lain untuk kepentingan diri sendiri semata-mata. Firman Allah<sup>6</sup>:

*“...dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan perperangan); kerana Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang Yang menceroboh atau melampaui batas.”*

Dalam sebuah hadits Qudsi disebutkan:

*“Ada tiga orang yang kelak menjadi musuhku di hari akhirat. Mereka yang bersumpah untuk setia kepada-Ku, tetapi mereka melanggarinya; mereka yang memperjualbelikan manusia merdeka, lalu memakan hasilnya; dan mereka yang mempekerjakan buruh, menerima keuntungan darinya, tetapi dia tidak memberinya upah yang semestinya.”*  
(H.R. Imam Muslim).

Syariah dan perundangan Islam digariskan dan ditetapkan oleh Allah di atas dasar menjaga 5 kepentingan utama atau maslahah dalam kehidupan manusia. 5 matlamat ini juga dikenali sebagai dhoruriyatul khomsah atau maqasid al-syar'iyyah. Lima jenis maslahah yang dimaksudkan itu ialah untuk menjaga kepentingan agama, nyawa, maruah atau nasab, harta dan akal manusia (Wan Ali et. al., 2005).

## Hak-hak Asasi Manusia

Seluruh ulama Islam sejak zaman dahulu sampai hari ini sepakat, bahwa tujuan Islam adalah mewujudkan kemaslahatan. Kemaslahatan dalam hal ini diertikan sebagai perlindungan terhadap hak-hak dasar yang diciptakan Allah, yang meliputi perlindungan keyakinan (hak beragama dan berkeyakinan), perlindungan jiwa (hak hidup dan hak tidak dianiaya), perlindungan akal fikiran (hak berpendapat, berkumpul dll), perlindungan berketurunan dan kehormatan diri (hak reproduksi sehat dan tidak dilecehkan, direndahkan dan lain-lain), dan perlindungan harta (hak milik).

Abid al Jabiri turut menyatakan hak-hak dasar di atas mengandungi maksud bahawa hak-hak tersebut ada dan berlaku bagi semua orang di manapun ia berada tanpa membezakan lelaki dan perempuan, berkulit putih atau hitam, kaya atau miskin. Ia tidak terpengaruh oleh kebudayaan dan peradaban apapun melintasi batas-batas ruang dan waktu. Ia adalah hak bagi setiap insan kerana ia adalah manusia.

Cita-cita Islam di atas telah disepakati dalam pertemuan Antarabangsa Negara-negara Islam di Mesir tahun 1990. Pertemuan ini menghasilkan deklarasi kemanusiaan universal yang dikenal dengan Deklarasi Kairo. Deklarasi Kairo ini menyatakan bahawa: Manusia adalah satu keluarga, sebagai hamba Allah, dan berasal dari Adam. Semua orang adalah sama dipandang dari martabat dasar manusia, dan kewajiban dasar mereka tanpa diskriminasi ras,

<sup>6</sup> Al-Quran, Surah al-Baqarah 2:190

warna kulit, bahasa, jenis kelamin, kepercayaan agama, ideologi politik, status sosial atau pertimbangan-pertimbangan lain. Keyakinan yang benar, menjamin berkembangnya penghormatan terhadap martabat manusia ini (Martinus Sardi, 2014).

Undang-undang Islam jelas melarang pembelian atau penjualan seseorang manusia atau bahagian tubuhnya. Menurut tradisi Nabi, adalah "haram," atau dilarang sama sekali untuk berurus secara haram yang berkait dengan darah manusia, harta atau kehormatan seorang Muslim. Undang-undang Islam, yang menganggap semua manusia dimiliki oleh Tuhan semata-mata, dengan itu melarang kemungkinan penjualan manusia lain, kerana tidak ada manusia yang boleh dimiliki oleh orang lain. Selain itu ianya juga termasuk penjualan bahagian badan seseorang kecuali susu ibu (Zuraini & Khairil, 2013).

## **PENUTUP**

Bilangan wanita yang dilaporkan ditipu oleh pengedar ke dalam meninggalkan negara mereka dengan janji-janji palsu pekerjaan sebagai penari, pelayan atau pekerja seks semakin meningkat. Di beberapa negara, pengedar merekrut mangsa mereka melalui kenalan, rakan-rakan dan ahli keluarga juga. Teknik penipuan yang serupa juga digunakan oleh pengedar untuk merekrut lelaki untuk eksloitasi buruh paksa. Selalunya, individu-individu ini mendapati diri mereka hidup dalam keadaan seperti hamba. Kanak-kanak, terutamanya perempuan, semakin diperdagangkan untuk eksloitasi seksual. Pemerdagangan kanak-kanak termasuklah kanak-kanak lelaki dan perempuan yang bertujuan untuk dijadikan sebagai pengemis dan juga melakukan aktiviti-aktiviti yang boleh mendatangkan keuntungan kepada mereka.

Tindakan multi-sektor diperlukan untuk memerangi pemerdagangan manusia. Komuniti penyelidikan boleh menyokong usaha untuk mengumpul data yang lebih baik. Penggubal undang-undang boleh menggabungkan pengetahuan mereka dengan pakar-pakar mengenai pemerdagangan manusia untuk menggubal undang-undang yang komprehensif. Pegawai-pegawai penguatkuasa undang-undang boleh bekerja bersama-sama dengan pembekal perkhidmatan untuk melindungi dan menyokong mangsa dan untuk membangunkan pendakwaan yang berjaya. Organisasi antarabangsa, serantau dan tempatan boleh mendapatkan kerjasama dari pelbagai pelosok masyarakat, termasuk sektor penjagaan kesihatan, kedutaan atau sektor swasta.

## **RUJUKAN**

- Ab Hamid, Z., & Mokhtar, K. A. (2013). Human Trafficking: the International, Malaysian Legal Framework and Shariah Perspectives. *IIUM Law Journal*, 21(2), 287–307.
- Ab Hamid, Z., (2019). Memperkasakan Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Manusia di Malaysia Undang-undang, J. A., & Ibrahim, K. U. A., 105–120.
- Martinus Sardi. (2014). Mengenal Hak Asasi Manusia dalam Islam Berdasarkan Deklarasi Kairo. *Repository.Umy.Id*, 12.
- Megumi Makisaka, (2009). ‘Human Trafficking: A Brief Overview’, *Social Development Notes, Conflict, Crime and Violence*, No. 122
- UNHCR, (2005). ‘Combatting Human Trafficking: Overview of UNHCR Anti-Trafficking Activities in Europe’
- United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC), 2011, ‘UN.GIFT, Human Trafficking: An Overview’, United Nations, New York.

- United Nations Trafficking Protocol.  
United Nations, Treaty Series, vol. 2237, p. 319; Doc. A/55/383  
United States of America, Department of State, Trafficking in Persons Report 2020.  
UNODC, (2009). ‘Anti-Human Trafficking Manual for Criminal Justice Practitioners’,  
Module 1.  
UNODC, (2011). ‘International Framework for Action to Implement the Trafficking in  
Persons Protocol’.  
Wan Ali Wan Jusoh, Mohd Hambali Rashid & Muhammad Fathi Yusof, 2005, *Institusi-institusi Islam*, Kuala Lumpur, Syarikat Meza, hlm. 210.  
Widdia Putri, E. (2020). Memahami Hak Untuk Hidup Dalam Islam Berdasarkan Deklarasi  
Kairo. *Legalite : Jurnal Perundang Undangan Dan Hukum Pidana Islam*, 5(1), 1–13.

## **Statut**

Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2022 (Akta A1644)